



**AMANAT TAHUN BARU 2021:
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Sayangi Malaysiaku: Malaysia Makmur.

BISMILLAHIRAHMANIRAHIM

ALHAMDULILLAHHIR RABBIL A'ALAMIN

**WASSALATUWASSALAM MUALA ASHRAFIL AMBIA IWALMURSALIN
WA'ALA ALIHI WASAHBIHI AJMAIN**

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat sampai di penghujung tahun 2020 setelah mengharungi pelbagai liku dan cabaran pada tahun ini. Tahun 2020 ini merupakan tahun yang sangat mencabar kepada seluruh dunia termasuklah Malaysia kesan daripada ancaman pandemik COVID-19. Wabak ini telah memberi impak yang tinggi dalam kehidupan manusia yang telah memaksa kita mengubah corak kehidupan serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik. Tidak dinafikan bahawa virus kecil Covid-19 telah pun menggegarkan satu dunia, dari sudut kesihatan, keselamatan, ekonomi dan sosial di setiap Negara. Wabak COVID-19 ini juga telah menjadi sejarah hitam dalam tamadun dunia moden. Syukur, Malaysia antara negara yang berjaya memerangi wabak ini dengan cemerlang hasil daripada kerjasama semua pihak.



Menyoroti kembali tarikh keramat Negara, 18 Mac 2020, di mana Perdana Menteri, YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk Malaysia, sebagai langkah pencegahan dalam bertindak balas terhadap wabak ini. Meskipun pelaksanaan PKP ini menyebabkan rakyat tertekan, terutamanya golongan yang terlibat dalam perniagaan kecil dan sederhana, kerajaan terpaksa melanjutkan lagi tempoh PKP kepada beberapa fasa bagi mengelakkan risiko orang awam terus dijangkiti COVID-19 daripada kes sporadik atau orang awam yang tak sedar mereka dijangkiti virus berkenaan. Agensi kerajaan juga tidak terkecuali daripada PKP ini di mana penjawat awam perlu bekerja dari rumah bagi memastikan penyampaian perkhidmatan dan produk awam tetap dikeluarkan demi kepentingan rakyat dan Negara.

Justeru, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah mengambil inisiatif dalam penyusunan cara kerja dan penggiliran pegawai ke pejabat bagi memastikan penyampaian perkhidmatan statistik Negara tetap dilaksanakan. Walaupun DOSM melalui pelbagai kekangan, namun DOSM tetap dapat melaksanakan tugas kutipan data melalui pendekatan sistem dalam talian, emel, panggilan telefon dan pengisian borang survei melalui *google form* bagi pengeluaran produk hakiki dan baharu bersesuaian dengan keperluan Kerajaan pada masa kini. Sebagai contoh, Survei Kajian Khas Kesan Covid-19 kepada Ekonomi dan Individu telah diadakan dalam 2 kategori iaitu kategori individu dan kategori syarikat. Survei ini dijalankan secara dalam talian melibatkan responden dari seluruh Negara bagi mendapatkan pandangan individu secara kualitatif mengenai ekonomi, pekerjaan, corak kehidupan dan pendidikan kesan dari Perintah Kawalan Pergerakan yang disebabkan oleh penularan COVID-19.



Alhamdulillah, laporan Survei Khas ini telah mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan terutama daripada agensi kerajaan lain dan pihak universiti. Secara positifnya, insiden pandemik Covid-19 banyak mengajar kita erti ketabahan, kesabaran dan semangat *nasionalisme* serta bersatu hati antara strata masyarakat. Pencapaian DOSM sebagai **Penjana Statistik Negara** selama tujuh dekad telah membuktikan kecekapan pentadbiran dan komitmen padu dari seluruh warga DOSM yang tidak berbelah bahagi dalam merealisasikan visi dan misi DOSM walaupun ketika Negara menghadapi situasi yang getir. Selama 70 tahun DOSM tidak pernah gagal dalam membekalkan statistik ekonomi dan sosial kepada kerajaan untuk menggubal dasar-dasar ekonomi negara. Dalam konteks penjanaan statistik, kerjasama erat dari semua peringkat amat diperlukan sama ada di ibu pejabat mahupun di DOSM Negeri. Warga DOSM negeri berperanan mengumpul dan membekalkan data yang dikutip dari lapangan manakala warga DOSM di ibu pejabat bertanggungjawab dalam menganalisis data dan menghasilkan laporan bagi tujuan sebaran kepada umum.

Justeru, suka saya merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada seluruh anggota DOSM yang telah berjaya membuktikan DOSM sebagai satu jenama global standing dengan negara-negara maju yang lain. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada anggota DOSM yang telah bersara pada tahun ini di atas segala khidmat dan bakti yang telah disumbangkan. Tidak lupa juga saya ucapkan salam takziah kepada pihak keluarga anggota DOSM yang telah pergi buat selama-lamanya pada tahun ini dan semoga roh allahyarham dan allahyarhamah ditempatkan bersama orang-orang mukmin.



PENCAPAIAN DOSM DI SEPANJANG TAHUN 2020

A. DALAM NEGARA

1. Pengeluaran Laporan Statistik

Penularan COVID-19 dan pelaksanaan PKP sejak 18 Mac 2020 tidak menghalang DOSM untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya sebagai Penjana Statistik Negara melalui penghasilan laporan-laporan statistik ekonomi dan sosial. Disepanjang tahun 2020, DOSM telah berjaya menerbitkan sejumlah 457 penerbitan berbanding 371 penerbitan sepanjang tahun 2019 yang meliputi;

- i) 217 penerbitan secara bulanan,
- ii) 55 penerbitan secara suku tahunan
- iii) 185 penerbitan secara tahunan, dan
- iv) 149 penerbitan baru *My Local Stats* mengikut Daerah

Dalam mendepani ketidaktentuan dan kompleksiti kehidupan, DOSM sentiasa peka dalam menyampaikan data berkualiti dan komprehensif bagi keperluan pengguna. Justeru, ia dapat menjadi penggerak kepada celik statistik di kalangan rakyat, seiring dengan hasrat Jabatan dalam membudayakan dan merakmatkan statistik di kalangan masyarakat umum.

Sepanjang tahun 2020, DOSM telah berkongsi 222 *Stats Alert* dalam bentuk infografik melalui emel kepada lebih kurang 5,957 penerima tetap yang terdiri daripada:

- i) Menteri dan Timbalan Menteri,
- ii) Ketua-Ketua Kementerian/ Jabatan/ Agensi/ Persatuan/ di peringkat Persekutuan dan Negeri,



- iii) Pensyarah-Pensyarah Universiti,
- iv) Pengetua-Pengetua Sekolah,
- v) Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun.

DOSM juga sentiasa proaktif dalam memastikan penyampaian statistik dapat dicapai oleh rakyat dengan mudah dan cepat melalui aplikasi-aplikasi interaktif yang dibangunkan oleh DOSM. Pada tahun 2020, DOSM telah menambah platform interaktif di dalam talian iaitu *Malaysia CPI Inflation Calculator* yang dibangunkan untuk mewujudkan satu platform kepada pengguna untuk mengetahui kuasa beli pengguna dari tahun asas yang diberikan kepada tahun terkini.

2. Perkhidmatan Statistik

Di sepanjang 70 tahun penubuhan DOSM, ia semakin dikenali di dalam dan luar negara khususnya dalam keyakinan masyarakat tempatan dan antarabangsa dalam penghasilan statistik yang berdaya saing serta kepakaran anggota DOSM dalam mengaplikasikan penggunaan manual-manual statistik antarabangsa. Antara pencapaian DOSM adalah:

a. Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Ekonomi atau *Economic Action Council (EAC)*

DOSM telah diberi tanggungjawab sebagai anggota dalam Jawatankuasa Teknikal Majlis Tindakan Ekonomi (EAC) yang ditubuhkan sebagai langkah segera mendepani cabaran ekonomi negara terutama ancaman COVID-19. DOSM perlu menyediakan laporan harian dari segi statistik ekonomi dan sosial bagi pemantauan kedudukan ekonomi global dan domestik selaras dengan pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi 2020



(PRE2020).

b. Pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan 2020

Pada tahun 2020, DOSM sedang melaksanakan projek Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia). Banci ini telah dirancang seawal tahun 2017 lagi. Banci Malaysia yang dijalankan 10 tahun sekali ini merupakan banci kali ke-6 selepas Negara kita mencapai kemerdekaan. Namun Banci Malaysia kali ini dianggap sangat istimewa dan akan menjadi sejarah dalam pelaksanaan Banci Penduduk dan Perumahan di Malaysia kerana buat pertama kalinya Banci ini diadakan ketika Negara sedang mengalami wabak Covid-19. Penularan wabak Covid-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia, memaksa Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan dan penutupan beberapa premis-premis perniagaan dan arahan Bekerja Dari Rumah (BDR). Keadaan ini telah mendorong DOSM untuk mempertingkatkan kecekapan dari segi kaedah pelaksanaan banci serta memastikan ketersediaan sistem tangkapan data bagi memastikan pelaksanaan banci tidak terjejas tetapi dapat memberikan output yang sama sepertimana pelaksanaan banci dalam norma yang biasa.

Keyakinan tinggi serta semangat berpasukan warga DOSM dari semua peringkat, merupakan pendorong semangat dan kekuatan DOSM untuk meneruskan pelaksanaan Banci Malaysia kali ini. Ketika Negara beroperasi dalam Perintah Kawalan Pergerakan serta amalan norma baharu yang perlu di adaptasi oleh seluruh rakyat Malaysia, DOSM perlu cekap menguruskan sumber dan aset yang ada bagi memastikan tugas harian tidak terjejas. Justeru, DOSM dengan persetujuan dari pihak Kerajaan telah memutuskan untuk meneruskan Banci Malaysia 2020



dengan membuat penyesuaian kaedah kutipan data (secara dalam talian dan bersemuka) dan penjadualan semula kerja-kerja di lapangan.

Di samping itu juga, DOSM telah siap membangunkan sistem e-Census bagi Banci Malaysia 2020. Kaedah pembancian e-Census merupakan kaedah bancian dalam talian yang turut digunakan Negara lain yang menjalankan Banci Penduduk dan Perumahan pada tahun 2020 seperti USA, Jepun, Indonesia dan sebagainya. Kaedah pungutan data e-Census merupakan pengisian sendiri oleh responden secara dalam talian. Penggunaan eCensus sangat bertepatan pada masa ini ketika Negara dalam tempoh PKP dimana aktiviti bersemuka perlu dikurangkan bagi mengekang penularan COVID-19. Justeru, saya amat berterima kasih dan mengucapkan syabas kepada seluruh rakyat Malaysia yang telah berjaya di Banci dan mengisi sepenuhnya maklumat ahli isi rumah melalui sistem eCensus. Kejayaan penggunaan pembancian secara atas talian melalui eCensus ini dapat membuktikan bahawa Malaysia telah bersedia sepenuhnya menghadapi dunia teknologi tinggi IR 4.0.

c. Penganjuran Hari Statistik Negara dan *World Statistics Day*

Sambutan Hari Statistik Negara (*MyStats Day*) 2020 pada tahun ini sangat bermakna kerana ia disambut bersekali dengan Hari Statistik Sedunia (*World Statistics Day*) dan Persidangan *MyStats Day* pada 20 Oktober 2020. Bagi menyemarakkan lagi sambutan tersebut, *51st United Nations Statistics Commission (UNSC)* telah memuktamadkan logo yang baharu dan memilih slogan “*Connecting The World With Data We Can Trust*” sebagai tema sambutan pada kali ini. Bersempena sambutan *MyStats Day* kali ini, DOSM juga turut rasa bertuah kerana dalam mengadaptasi keadaan norma baharu, DOSM masih mampu



menganjurkan sambutan seperti ini dan dirasmikan oleh YB Dato' Sri Mustapa Bin Mohamed, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Kesenambungan daripada itu juga Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) kali ke – 7 bertemakan “*Census Shapes Nation’s Future*” anjuran bersama dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia (ISM) turut diadakan dalam norma baharu. Persidangan MyStats ini diadakan adalah untuk membincangkan analisis dan penemuan baharu serta bertukar pandangan dan idea dikalangan pencinta statistik seperti penyelidik, pakar statistik, industri, universiti dan pengguna data berkenaan cabaran dalam penyusunan, penggunaan dan penyebaran statistik rasmi Negara.

d. Seminar *My Local Stats 2020*

Pada tahun ini juga, buat pertama kalinya DOSM telah mengadakan Seminar My Local Stats 2020 secara maya yang bertemakan Statistik Daerah dan Tempatan Ke Arah Kecekapan Perancangan dan Pengurusan Sumber bersama Unit Perancang Ekonomi (UPEN) dan Pegawai Daerah di seluruh Malaysia. Seminar ini yang telah dirasmikan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Mohd Zuki bin Ali telah dihadiri lebih kurang 354 peserta dari seluruh Negara.

Beberapa sesi pembentangan telah diadakan antaranya Pendataan: Pemacu Kelestarian Daerah’ telah disampaikan oleh YBhg. Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia Mengarusperdanakan Statistik Ke Arah Menuju Pembangunan Negara dan Negeri yang telah dikupas oleh Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) Negeri Pulau Pinang, Negeri Johor dan Negeri Selangor serta Perancangan Pembangunan Daerah Berpaksikan kepada Statistik



yang dikongsikan oleh Pegawai Daerah Kuala Kangsar, Pegawai Daerah Rompin dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif URBANICE Malaysia.

DOSM telah berjaya menerbitkan My Local Stats 2019 bagi setiap daerah pentadbiran yang keseluruhannya berjumlah 160 termasuk Wilayah Persekutuan dan Perlis. Penerbitan tersebut meliputi 143 penerbitan di peringkat daerah pentadbiran, satu penerbitan yang merangkumkan 13 daerah baharu dan tiga penerbitan bagi Wilayah Persekutuan dan satu Perlis. Penerbitan ini memuatkan statistik sosioekonomi utama di peringkat daerah pentadbiran bagi siri masa 2017 hingga 2019. Penerbitan My Local Stats ini mengandungi 20 bidang statistik sosioekonomi antaranya Penduduk; Perumahan; Pasaran Buruh, Pekerjaan & Pengangguran; Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah; Pendidikan; Kesihatan; Perkhidmatan Kebajikan; Keselamatan Awam; Perhubungan dan Rekreasi; Internet dan Media Sosial; dan Kemudahan Asas. Maklumat ekonomi dan sosial yang diintegrasikan ini akan memberi input yang bermanfaat kepada penggubal dasar negeri dan penyelidik untuk merangka pelan pembangunan dan hala tuju negeri dan daerah masing-masing.

e. Laporan Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals (SDG)*, Malaysia 2019

DOSM juga telah berjaya mengeluarkan laporan Indikator Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals (SDG)*), Malaysia 2019.

Seiring dengan *Sustainable Development Goals (SDG's)* 2019 dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 yang telah dilancarkan oleh



Kerajaan, DOSM perlu memastikan statistik yang dibekalkan adalah tepat dan *reliable* bagi mencapai matlamat kerajaan dalam WKB 2030. Matlamat ini juga selaras dengan Agenda Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) pada tahun 2030 yang diperkenalkan oleh *United Nations*. Untuk makluman, DOSM telah menjadi *focal point* bagi SDG 2030. Sebanyak 244 indikator telah dikenalpasti bagi merealisasikan impian kerajaan dalam meningkat taraf hidup yang wajar (*decent standard of living*) kepada rakyat bertepatan dengan prinsip SDG 2030 iaitu '*Leave No One Behind*' iaitu pendekatan pembangunan yang lebih inklusif.

Penerbitan laporan SDG ini amat bertepatan dengan masa kerana Kerajaan sedang menggubal Rancangan Malaysia Kedua belas (RMKe-12) yang dijadikan sebagai input kepada perancangan pembangunan mampan dan dapat memberikan manfaat kepada rakyat. Laporan Indikator SDG, Malaysia, 2019 merupakan penerbitan kedua dikeluarkan oleh DOSM dan mengandungi 128 indikator dengan pertambahan 37 indikator baharu, 18 indikator di peringkat daerah dan 24 indikator proksi. Lebih 72 peratus data adalah daripada pelbagai kementerian dan agensi manakala 28 peratus data adalah daripada DOSM. Kerjasama strategik antara DOSM dan agensi pembekal data adalah selari dengan pengukuhan sistem statistik negara yang sedang dilaksanakan.

Kerajaan juga menyedari bahawa pandemik COVID-19 yang telah melanda negara kita telah merencatkan agenda kerajaan untuk memastikan kemiskinan sifar menjelang 2030. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam tempoh pandemik COVID-19 yang lalu telah mengakibatkan ramai individu yang mengalami kehilangan



pekerjaan dan kehilangan sumber pendapatan. Walau bagaimanapun, pelbagai bantuan telah disalurkan oleh pihak Kerajaan bagi meringankan bebanan isi rumah. Pembukaan semula sektor ekonomi dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) juga telah memberikan kesan yang positif.

B. LUAR NEGARA

Penglibatan berterusan DOSM secara aktif di pentas dunia telah melayakkan Malaysia digelar sebagai penyumbang kepakaran dan sumber rujukan (*Benchmark*) di mana Malaysia telah dijemput untuk menganggotai dan mempengerusi mesyuarat Jawatankuasa, Kumpulan pakar, Kumpulan kerja, Persatuan, mesyuarat dan juga sebagai tenaga pengajar di arena antarabangsa.

Alhamdulillah sehingga kini, DOSM terus **menyandang keahlian dan menjawat jawatan Pengerusi dan Naib Pengerusi** dalam pertubuhan statistik antarabangsa, khususnya di rantau ASEAN dan Asia Pasifik. Antaranya adalah Pengerusi *Working Group International Merchandise Trade Statistics* (WGIMTS), 2019-2021; Pengerusi *Working Group on System of National Accounts* (WGSNA), 2021-2022; Pengerusi *6th Bureau of the ESCAP Committee on Statistics*, 2018-2020 dan dilantik semula sebagai Naib Pengerusi *7th Bureau of the ESCAP Committee on Statistics*, 2020-2022; Pengerusi *Bureau for the 7th & 8th Sessions of Organisation of Islamic Cooperation Statistical Commission* (OIC-StatCom), 2018-2020; Naib Pengerusi *Regional Steering Group (RSG) for Civil Registration and Vital Statistics (CRVS) in Asia and the Pacific*, 2019-2024; Naib Pengerusi *Working Group (WG) on the Development of*



New Strategic Vision of OIC-StatCom; dan Executive Committee (EXCO) International Association of Official Statistics (IAOS).

Sepanjang tahun 2020, ramai pegawai DOSM **telah dilantik sebagai ahli baharu dalam beberapa pertubuhan statistik dunia** seperti *Working Group on Open Data, 2020–2024; Inter-Agency and Expert Group (IAEG) on Disaster-related Statistics, 2020; Statistical Advisory Panel for 2020 Human Development Report (HDR); Inter secretariat Working Group on National Accounts (ISWGNA) and IMF Committee on Balance of Payments Statistics (BOPCOM) joint task team on Islamic finance; Inter secretariat Working Group on Household Surveys (ISWGHS); Regional Advisory Board (RAB) for the 2020 ICP for Asia and the Pacific; Global Ocean Accounts Partnership for Sustainable Development (GOAP); dan Technical Advisory Group On Covid-19 Mortality Assessment.*

DOSM sebagai **ahli terus komited untuk memberikan sumbangan aktif** dalam pembangunan sistem statistik global dengan menghasilkan dan menyebarkan statistik berkualiti tinggi, *disaggregated* dan *reliable*. Tahniah dan syabas kepada anggota DOSM yang masih meneruskan peranannya dalam menyalurkan kepakaran dalam kumpulan pakar seperti *Inter-Agency and Expert Group on Sustainable Development Goal Indicators (IAEG-SDGs); Friends of the Chair Group on Economic Statistics (FOC-ES), Steering Group for the Regional Programme on Economic Statistics (SGRPES); Task Force on Asia-Pacific Economic Statistics Week (APES); Regional Steering Committee for Asia and the Pacific for the Global Strategy to Improve Agricultural and Rural Statistics; Regional Steering Group on Population and Social Statistics in Asia and the Pacific* dan sebagainya.



Di samping menyuarakan pandangan dalam mesyuarat kumpulan pakar, DOSM turut **dijemput sebagai moderator dan panelis** dalam persidangan anjuran peringkat antarabangsa. Jemputan ini adalah selaras dengan komitmen, kepakaran, kemahiran, modernisasi dan inovasi DOSM dalam pengeluaran statistik yang memenuhi standard dan klasifikasi yang dipersetujui di peringkat antarabangsa. DOSM telah menyertai *2020 Asia-Pacific Statistics Week (APS)-“A decade of action for the 2030 Agenda: Statistics that leave no one and nowhere behind”* yang melibatkan 2 moderator dan 6 pembentang kertas; *Webinar: Counting Everyone for a Better Tomorrow; Asia-Pacific Stats Café Series session on Accounting for Integrated Statistics and Analysis; 50 years of Statistical Capacity Building by UN Statistical Institute for Asia and the Pacific (SIAP): Perspectives from Alumni Chief Statisticians”*; *6th International Conference on Big Data for official statistics; Webinar ‘Unpacking Malaysia’s New Poverty Line Income and MPI Findings’*; *2020 International Day for the Eradication of Poverty Forum (IDEP 2020)*; *Stats Café on Improving economic indicators with big data* dan sebagainya.

Penyertaan DOSM dalam kursus, bengkel, seminar, forum, persidangan anjuran antarabangsa telah meningkat pada tahun ini memandangkan ianya dianjurkan secara dalam talian. Maka sepanjang 2020, DOSM telah menghadiri **106 program** antarabangsa yang melibatkan **1,083 orang pegawai** berbanding 73 program pada tahun 2019 yang hanya melibatkan 103 orang pegawai. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dan pengetahuan teknikal setiap pegawai. DOSM juga telah menerima lawatan sambil belajar secara *virtual* daripada *State committee of the Republic of Uzbekistan on Statistics*. Lawatan ini telah menyentuh berkaitan topik *Efficient*



organization of statistical activities; Business registers and business statistics dan The role of ICT in statistics.

Hubungan DOSM dengan *National Statistics Office* (NSO) Negara lain dan Badan Statistik Antarabangsa amat dititikberatkan dalam usaha memelihara kepentingan negara dengan menjana statistik yang *reliable* di peringkat global. Tahun ini, Kerajaan Malaysia melalui DOSM dengan jayanya telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan *The Statistical, Economic And Social Research And Training Centre For Islamic Countries* (SESRIC) dalam Pembangunan Kapasiti Modal Insan Statistik untuk Pengukuhan Sistem Statistik Negara Anggota *Organisation Of Islamic Cooperation* (OIC). Di bawah MoU ini, DOSM telah menganjurkan kursus dalam talian '*Banking, Insurance and Financial Statistics*' untuk kepentingan Brunei Darussalam.

JALINAN KOMUNIKASI DAN KERJASAMA STATISTIK

DOSM sentiasa menitikberatkan jalinan komunikasi dikalangan pengguna data dan masyarakat melalui pelbagai medium terutama media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram* dan *Youtube*.

Kerjasama strategik dua hala antara DOSM dengan agensi dan swasta dalam dan luar Negara amat dialu-alukan melalui Memorandum Persefahaman (MoU). Kerjasama seperti ini telah dimulakan sejak tahun 2013 sehingga 2020 sebanyak 34 MoU berbanding 32 MoU pada tahun 2019 telah dimeterai. Pada tahun ini, 2 MoU telah ditandatangani bersama SESRIC dan SME Bank.



Di samping itu, DOSM juga cuba menanamkan semangat cintakan statistik di kalangan pelajar-pelajar melalui program literasi statistik daripada kolej dan universiti ke DOSM. Sepanjang tahun 2019, DOSM telah berjaya melaksanakan 15 lawatan sambil belajar daripada institut pengajian tinggi dengan bilangan pelajar seramai 800 orang, tetapi apabila pandemik berlaku sepanjang tahun 2020, DOSM telah melaksanakan insiatif pelaksanaan program ini secara dalam talian. Oleh itu, DOSM telah berjaya menerima 4 jemputan dengan bilangan pelajar seramai 70 orang.

Program ini dapat mendedahkan kepada pelajar berkenaan dengan fungsi, visi dan misi DOSM dan sekaligus memberi penerangan berkaitan produk dan perkhidmatan DOSM, kaedah kutipan data serta pendedahan kepentingan bidang pendidikan yang diceburi oleh pelajar dalam Pembangunan sosioekonomi Negara.

DOSM juga mengamalkan prinsip keterbukaan kepada umum dimana sentiasa mengalu-alukan kunjungan daripada agensi kerajaan lain, industri dan NGO yang berhasrat untuk mendapatkan penerangan lanjut berkenaan statistik yang dikeluarkan oleh DOSM. Sejurus dengan arahan kerajaan berkenaan larangan kunjungan secara bersemuka bagi mencegah penularan COVID-19 ketika itu, maka sepanjang tahun 2020, DOSM hanya menerima sebanyak 27 Kunjungan Muhibah/ Hormat dari pelbagai pihak yang ingin mendapatkan khidmat nasihat teknikal dalam bidang statistik. Walaupun bilangan kunjungan ini tidak sebanyak tahun 2019 iaitu sebanyak 77 kunjungan, DOSM tetap mampu untuk menyampaikan statistik dengan jayanya.



Di samping itu, DOSM juga telah mengorak langkah dengan memperkenalkan program *Statistics Talk* kepada masyarakat umum. Sebanyak 6 siri *Stats Talk* telah diadakan dan disiarkan melalui *FB Live* sempena Hari Statistik Negara dan Hari Statistik Dunia.

AMBISI DAN MATLAMAT TAHUN 2021

Harapan saya pada tahun 2021 agar DOSM akan dapat meluaskan lagi sinergi dengan semua pihak bagi meningkatkan produktiviti Jabatan seiring dengan harapan yang tinggi daripada Kerajaan kepada DOSM untuk memungut, mentafsir serta menyebarkan statistik yang bertepatan masa meskipun dalam situasi sukar.

Penularan pandemik Covid-19 yang berlaku sejak setahun yang lalu telah membawa transformasi yang besar kepada dunia. Namun, situasi kontemporari ini tidak sedikit pun mematahkan semangat warga DOSM bahkan memberi kekuatan untuk terus berjuang dalam merealisasikan hasrat negara menuju kemajuan di masa hadapan.

Meskipun kekurangan masa dan capaian yang terhad dalam menjalankan aktiviti untuk mendapatkan data-data disebabkan larangan aktiviti luar, DOSM berjaya mencari inisiatif tersendiri dan tetap menyiapkan tugas yang diberikan tanpa sebarang keraguan. Situasi sebegini telah menunjukkan DOSM mempunyai sikap akauntabiliti yang sangat tinggi dalam mencari solusi walaupun dalam keadaan genting.

Senario sosioekonomi global telah memenifestasikan bahawa Covid-19 memberikan impak negatif di mana pasaran ekonomi telah berlaku kemerosotan secara mendadak dalam waktu yang singkat. Berikutan situasi ini, DOSM telah menjalankan kerjasama dengan banyak



pihak untuk memungut data-data secara lebih terperinci untuk dikaji secara menyeluruh.

Sehubungan itu, kemahiran sumber manusia yang lebih efektif dan professional perlu ditingkatkan dengan perbanyakkan program kursus seperti *Statistical Competencies Development Programme (SCDP)* dan program-program yang dapat memperkukuhkan kapasiti sistem statistik negara. Justeru, DOSM perlu membangunkan generasi baru dengan kemahiran *statistical modelling, machine learning, programming* dan *database*. Generasi baru ini juga harus diterap dengan *domain knowledge, soft skills*, komunikasi dan *visualisation*.

Sepertimana ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pelancaran Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Industri Revolusi 4.0 merupakan antara Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama yang akan difokuskan. Ia merupakan cabaran baharu bagi DOSM untuk melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital agar dapat terus berdaya saing di peringkat global. Saya amat bersyukur atas kepercayaan Kerajaan terhadap kepentingan DOSM dalam perancangan dasar negara, skop perjawatan Perangkawan kini telah diperbesarkan melalui penambahan bidang sains dan teknologi komputer. Diharapkan dengan transformasi ini maka akan dapat meningkatkan kompetensi serta profesionalisme anggota DOSM.

Saya amat yakin bahawa seluruh anggota DOSM telah bersedia untuk melangkah ke tahun 2021 dengan lebih bersemangat bagi merealisasikan visi dan misi DOSM yang seterusnya. Matlamat ini hanya dapat dicapai melalui kecekalan, dedikasi dan sinergi dari semua anggota. Justeru, besarlah harapan saya supaya semua anggota DOSM



terus mengekalkan budaya kerja yang cemerlang bagi bergerak seiring dengan kerajaan untuk mencapai **WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA** pada tahun 2030.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan

"Selamat Menyambut Tahun Baru 2021".

Sekian.